



**KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM**

UCAPAN PERASMIAN

NIK NAZMI NIK AHMAD

MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

**OPS GERAK KENDERAAN BERMOTOR PERINGKAT
KEBANGSAAN SEMPENA SAMBUTAN HARI OZON SEDUNIA
2024**

13 NOVEMBER 2024 (RABU)

R&R AWAN BESAR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani

[SALUTASI AKAN DILAMPIRKAN MENGIKUT SENARAI KEHADIRAN TERKINI]

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kepada Allah SWT kerana dengan rahmat dan izin-Nya, kita diberikan peluang untuk hadir bagi melihat perjalanan Ops Gerak Kenderaan Bermotor Peringkat Kebangsaan Sempena Sambutan Hari Ozon Sedunia 2024 yang diadakan secara serentak oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) di seluruh negara pada pagi ini.

2. Komitmen ini tidak akan terlaksana tanpa sokongan padu daripada Amanat Lebuhraya Rakyat Berhad selaku Rakan Strategik JAS yang membantu dalam merealisasikan program ini. Program pada hari ini merupakan salah satu pengisian sambutan Hari Ozon Sedunia 2024 di mana Negeri Selangor telah terpilih untuk menjayakan Ops Gerak Kenderaan Bermotor Peringkat Kebangsaan Tahun 2024.

3. Kali terakhir Ops Gerak Peringkat Kebangsaan diadakan adalah pada tahun 2020. Pada kali ini, operasi ini dijalankan serentak di seluruh negara dengan tujuan meningkatkan kesedaran mengenai kawalan pelepasan bahan pencemar daripada kenderaan serta mendidik pengguna jalan raya tentang kepentingan mematuhi peraturan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 berkaitan pelepasan daripada kenderaan bermotor.

4. Objektif program Ops Gerak ini antara lain adalah bagi mendorong perubahan tingkah laku dengan menggalakkan pengguna untuk lebih bertanggungjawab dalam pemilikan kenderaan, termasuk penyelenggaraan kenderaan secara berkala supaya undang-undang sentiasa dipatuhi.

5. Asap kenderaan merupakan punca utama pencemaran udara, terutamanya di kawasan bandar. Pelepasan bahan pencemar seperti karbon monoksida, nitrogen oksida dan zarah halus daripada kenderaan menyumbang kepada penurunan kualiti udara dan menjejaskan kesihatan awam. Usaha untuk mengawal pelepasan ini penting bagi memastikan kelestarian alam sekitar dan kesejahteraan masyarakat. Langkah ini juga menyokong ke arah mencapai Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals* - SDG) di peringkat global.

6. NRES sentiasa komited dan menyokong usaha-usaha dalam memelihara alam sekitar seperti penggunaan kenderaan dengan teknologi yang lebih bersih iaitu kenderaan cekap tenaga di mana pencemaran daripada kenderaan bermotor dapat diminimumkan.

7. NRES juga menyokong inovasi berkaitan teknologi hijau yang meliputi pembangunan teknologi bagi kenderaan rendah pelepasan gas dan penggunaan sumber tenaga boleh baharu yang dapat meningkatkan kualiti udara. Justeru, kerjasama erat dan berterusan antara sektor kerajaan dan swasta amat penting untuk menyokong penyelidikan dan pembangunan dalam bidang ini.

8. Selain itu, penggunaan pengangkutan awam juga dapat mengurangkan jumlah kenderaan persendirian di jalan raya, sekali gus mengurangkan kesesakan lalu lintas dan pencemaran daripada kenderaan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

9. Penguatkuasaan undang-undang dan peraturan yang ketat penting untuk mengawal pelepasan daripada kenderaan bermotor. Malaysia telah mengambil langkah proaktif menangani isu pencemaran udara dengan memperkenalkan bahan api diesel Euro 5 sejak April 2021 dan seterusnya telah mencapai spesifikasi penuh pada April 2023. Diesel Euro 5 ini memenuhi piawaian ketat, termasuk pengurangan kandungan sulfur dan bahan pencemar lain.

10. Bagi bahan api petrol pula, Malaysia akan mula melaksanakan petrol Euro 5 pada September 2025 dan dijangka mencapai spesifikasi penuh pada 2027. Pelaksanaan ini adalah selaras dengan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Kandungan Bahan Api Petrol dan Diesel) 2007 dan sebagai langkah penyelesaian jangka panjang dalam menjaga kualiti udara negara. Justeru, NRES dan JAS akan bekerjasama rapat dengan industri untuk memastikan peralihan ini berjalan lancar.

11. Penggunaan Euro 5 juga akan mendorong industri automotif Malaysia untuk meningkatkan teknologi kenderaan, termasuk bagi kenderaan komersial dan industri berat. Kenderaan dengan teknologi pelepasan Euro 5 akan beroperasi dengan lebih efisien dan menghasilkan pelepasan asap yang lebih bersih, sekaligus dapat memberikan kesan positif terhadap kualiti udara di negara ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

12. Sepertimana yang diketahui umum, lapisan ozon berfungsi sebagai pelindung kepada hidupan di muka bumi ini daripada sinaran ultraviolet (UV). Sinaran UV yang berlebihan boleh menyebabkan pelbagai masalah kesihatan kepada manusia termasuk kanser kulit dan gangguan sistem imunisasi. Selain itu, ia juga boleh mendatangkan kesan buruk kepada ekosistem seperti tanaman dan hidupan marin. Oleh itu, pemeliharaan lapisan ozon adalah salah satu isu alam sekitar yang perlu dititikberatkan. Salah satu cara utama untuk melindungi lapisan ozon adalah melalui pengurusan refrigeran yang lestari dalam sistem penyejukan dan pendinginan, seperti penghawa dingin termasuk penghawa dingin kenderaan.

13. Kerajaan Malaysia telah mengambil pelbagai langkah untuk mematuhi obligasi di bawah Protokol Montreal dan menghentikan penggunaan bahan pemusnah ozon. Larangan penggunaan CFC dan HCFC dalam sistem penyejukan baru telah dilaksanakan dan digantikan dengan refrigeran yang mesra ozon seperti HFC dan HFO.

14. Pemantauan dan penguatkuasaan peraturan yang berkaitan secara berterusan adalah amat penting termasuk penguatkuasaan kepada Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Pengurusan Refrigeran) 2020, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

15. Besar harapan saya agar semua lapisan masyarakat dapat memahami bahawa pemeliharaan lapisan ozon adalah tanggungjawab global. Pengurusan refrigeran yang betul adalah salah satu langkah utama dalam usaha ini bagi memastikan lapisan ozon terus berfungsi sebagai pelindung utama Bumi.

Hadirin yang dihormati sekalian,

16. Saya berharap penguatkuasaan dan penyampaian mesej berhubung sebab dan akibat daripada kesalahan pencemaran ini dapat disebar luas untuk membantu masyarakat memahami kesan sektor pengangkutan terhadap kualiti udara dan alam sekitar. Program ini bukan sahaja bermanfaat untuk kesihatan masyarakat, tetapi juga memberi impak positif kepada alam sekitar, ekonomi, dan kesejahteraan hidup secara menyeluruh.

17. Saya menyeru semua pihak tidak mengira sektor awam mahupun swasta dan orang ramai untuk menyokong usaha serta inisiatif mengawal pencemaran udara, khususnya daripada sektor pengangkutan.

Kerjasama semua pihak adalah amat penting dalam mencapai matlamat ini, kerana ia bukan hanya tanggungjawab Kerajaan, tetapi juga tanggungjawab kita bersama sebagai rakyat Malaysia.

18. Terima kasih sekali lagi kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan Ops Gerak Kenderaan Bermotor Peringkat Kebangsaan Sempena Sambutan Hari Ozon Sedunia 2024. Saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada semua pasukan Unit Kenderaan Motor, JAS kerana sentiasa memastikan pelepasan daripada kenderaan-kenderaan mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.

19. Akhir kata, saya ingin mengingatkan diri saya dan kita semua agar sentiasa memelihara alam sekitar untuk kepentingan hari ini dan generasi masa hadapan. Dengan ini, saya merasmikan Ops Gerak Kenderaan Bermotor Peringkat Kebangsaan 2024. Sekian, terima kasih.